

BAB 4

KEBERKESANAN DAN HALANGAN PEMBANGUNAN ETIKA DAN MORAL MENERUSI KURSUS YANG DITAWARKAN DI UTeM

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan keberkesanan dan halangan pembangunan etika dan moral menerusi kursus-kursus yang ditawarkan terhadap pelajar yang terlibat. Perbincangan dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif ketiga dan keempat iaitu untuk mengetahui keberkesanan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar dan mengenalpasti halangan-halangan yang dihadapi oleh mereka. Metodologi kajian yang digunakan dalam bab ini adalah menerusi soal selidik, temu bual dan juga pemerhatian.

4.2 Keberkesanan Pembangunan Etika dan Moral

Bahagian ini akan membincangkan kesan pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan kepada pelajar di UTeM. Pengkaji telah membahagikan kesan yang diterima oleh para pelajar berdasarkan tiga aspek penting iaitu aspek pengetahuan, amalan dan sikap. Kesemua kesan ini mempunyai pengaruh yang besar dalam pembangunan diri pelajar. Daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden, bahagian E adalah khusus untuk melihat kesan tersebut. Dalam jadual 4.1, pengkaji telah bawakan dapatan kajian menerusi soal selidik yang diedarkan. Terdapat sembilan kenyataan yang perlu dijawab oleh responden (E1 – E9) berdasarkan jawapan SS, S TS dan STS (Sila lihat jadual 4.1).

Jadual 4.1: Kesan pembangunan etika dan moral menerusi kursus-kursus yang ditawarkan [n=371 orang pelajar].

Bil.	Kenyataan	SS		S		TS		STS	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%.	Bil.	%
E1	Menghargai ilmu pengetahuan	167	45	162	43.7	24	6.5	9	2.4
E2	Berbincang dengan pensyarah/rakan isu etika profesional yang berkaitan dengan kursus	109	29.4	201	54.2	46	12.4	6	1.6
E3	Memahami perasaan orang lain dengan baik	87	23.5	217	58.5	52	14	7	1.9
E4	Suka menyendiri daripada bercampur dengan orang lain	47	12.7	87	23.5	160	43.1	69	18.6
E5	Menjaga ketrampilan diri	108	29.1	214	57.7	34	9.2	8	2.2
E6	Kreatif dalam menyelesaikan masalah	118	31.8	206	55.5	32	8.6	8	2.2
E7	Prejudis terhadap rakan	37	10	96	25.9	164	44.2	67	18.1
E8	Penghayatan nilai positif bertambah	111	29.9	215	58	26	7.0	12	3.2
E9	Melaksanakan tugas kursus dengan penuh tanggungjawab	133	35.8	192	51.8	27	7.3	12	3.2

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual 4.1 di atas pengkaji mendapati secara umumnya para responden menunjukkan respon yang positif terhadap kenyataan-kenyataan yang diberikan melalui soal-selidik yang diedarkan (E1-E9). Dalam jadual 4.1 di atas, nombor yang dihitamkan (*bold*) menunjukkan respon yang diambil kira dalam kajian ini. Sehubungan itu, jika diperhatikan semua responden bersetuju bahawa pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan kepada mereka memberikan kesan berdasarkan respon yang diberikan. Kedudukan peratusan respon terhadap kesan

pembangunan etika dan moral menerusi kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti urutan berikut:

1. Menghargai ilmu pengetahuan (88.7%)
2. Penghayatan nilai positif bertambah (87.9%)
3. Melaksanakan tugas kursus dengan penuh tanggungjawab (87.6%)
4. Kreatif dalam menyelesaikan masalah (87.3%)
5. Menjaga ketrampilan diri (86.8%)
6. Berbincang dengan pensyarah/rakan isu etika profesional yang berkaitan dengan kursus (83.6%)
7. Memahami perasaan orang lain dengan baik (82%)
8. Prejudis terhadap rakan (62.3%)
9. Suka menyendiri daripada bercampur dengan orang lain (61.7%)

Peratusan tertinggi adalah daripada kesan dalam menghargai ilmu pengetahuan iaitu sebanyak 88.7%. Ini diikuti dengan kesan yang lain seperti penghayatan nilai positif bertambah (87.9%), melaksanakan tugas kursus dengan penuh tanggungjawab (87.6%) dan kreatif dalam menyelesaikan masalah (87.3%). Manakala untuk yang terendah adalah kesan dalam aspek pergaulan, iaitu E4 'suka menyendiri daripada bercampur dengan orang lain'. Di sini respon yang dikira adalah dari respon TS dan STS dan ia menunjukkan respon sebanyak 61.7%. Namun, ianya masih dianggap positif dan menunjukkan mereka mampu untuk bersosial dalam kehidupan seharian mereka menerusi kursus-kursus yang diikuti oleh mereka. Selain itu, kenyataan E7, iaitu prejudis terhadap rakan mencatatkan bilangan yang hampir serupa dengan 62.3% apabila TS dan STS diambilkira bilangannya.

Setelah dilihat secara umum dapatan kajian di dalam jadual 4.1 sebelum ini, pengkaji akan membincangkan secara khusus kesan-kesan tersebut melalui tiga aspek utama iaitu aspek pengetahuan, amalan dan sikap. Di bawah ini pengkaji akan menjelaskan kelompok kenyataan-kenyataan berdasarkan kesan-kesan yang dikehendaki, iaitu:

- i. Aspek Pengetahuan, kenyataan E1, E2 dan E6
- ii. Aspek Amalan, kenyataan E5, E8 dan E9
- iii. Aspek Sikap, kenyataan E3, E4 dan E7

4.2.1 Aspek Pengetahuan

Daripada aspek pengetahuan, para pelajar telah menunjukkan respon yang positif terhadap kenyataan yang diberikan kepada mereka. Ini boleh dilihat berdasarkan jadual 4.2 di bawah. Untuk kenyataan E1, E2 dan E6 hanya respon yang positif sahaja diambilkira iaitu daripada respon SS dan S. Oleh itu, setelah diambilkira kesemua jumlah respon tersebut (jumlah peratus keseluruhan E1, E2 dan E6) peratus yang ditunjukkan adalah sebanyak 86.5%.

Jadual 4.2: Kesan Aspek Pengetahuan

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
E1	Menghargai ilmu Pengetahuan	167	45	162	43.7	329	88.7
E2	Berbincang dengan pensyarah/rakan isu etika profesional yang berkaitan dengan kursus	109	29.4	201	54.2	310	83.6

E6	Kreatif dalam menyelesaikan masalah	118	31.8	206	55.5	324	87.3
----	-------------------------------------	-----	------	-----	------	-----	------

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan temubual yang dilakukan di kalangan pelajar, pengkaji mendapati sememangnya mereka bersetuju bahawa betapa pentingnya menghargai ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang ditimba oleh mereka sejak dari zaman sekolah hinggalah ke peringkat universiti telah banyak membantu mereka dalam meneruskan kehidupan. Menurut Jayamalar a/p Mohan, sistem pendidikan di negara kita telah banyak membantunya mendalami pelbagai ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Adalah penting pelajar mendalami ilmu pengetahuan di samping menghargainya buat bekalan masa depan.⁴⁴⁰

Manakala bagi En. Hamzah Sakidin, beliau amat bersetuju bahawa sewajarnya para pelajar memberikan tumpuan terhadap pelajaran yang ditimba oleh mereka. Ini akan memberikan kesan positif dalam membentuk jati diri yang baik dalam pembangunan diri mereka. Pelajar yang menghargai ilmu pengetahuan akan dapat membantu pembangunan negara melahirkan masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia.⁴⁴¹

Selain itu, menurut Anith Abdul Aziz beliau kerap mengadakan perbincangan dengan pensyarah dan rakan-rakan hal yang berkaitan dengan akademik. Di samping itu, beliau turut bertukar-tukar pandangan berkaitan isu sosial yang berlaku pada masa kini. Antaranya lumba haram, pembuangan bayi dan sebagainya. Menurutny lagi,

⁴⁴⁰ Jayamalar a/p Mohan, Pelajar Tahun 1, FTMK, UTeM. Temubual pada 27 Oktober 2009.

⁴⁴¹ En. Hamzah Sakidin, Pensyarah Kanan FKE, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

seorang pelajar haruslah mengambil tahu hal-hal sekeliling di samping aspek akademik. Oleh itu, ia juga dapat menambah pengetahuan am kepada pelajar.⁴⁴²

Bagi Pn. Norazilah Ahmad pula, subjek wajib yang ditawarkan kepada pelajar di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan dapat membantu pelajar menjadi lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah. Misalnya subjek Pemikiran Kritis dan Kreatif. Ini adalah subjek yang menarik dan para pelajar haruslah memanfaatkannya sebaik mungkin. Namun, tidak dapat dinafikan subjek-subjek lain juga turut membantu para pelajar menjadi lebih kreatif seperti yang ditawarkan oleh kursus teras program yang lain.⁴⁴³

Apabila dilihat dari segi pecahan jantina untuk kenyataan E1, pelajar lelaki mendahului pelajar perempuan dengan jumlah sebanyak 209 orang atau 63.5% daripada jumlah respon yang diberikan. Pelajar perempuan hanya menunjukkan 120 orang atau 36.5%. Seterusnya untuk kenyataan E2, pelajar lelaki turut menunjukkan yang ramai iaitu 193 orang atau 62%, pelajar perempuan pula sebanyak 117 orang atau 38%. Kenyataan E6 juga menunjukkan persamaan apabila pelajar lelaki mengekalkan angka tertinggi dengan 207 orang atau 64% dan pelajar perempuan pula sebanyak 117 orang atau 36%. Sehubungan itu, dapatan yang diberikan agak menarik apabila pelajar lelaki lebih ramai memberikan kenyataan yang positif berbanding dengan pelajar perempuan. Kesemua keterangan ini dijelaskan pada jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3: Respon Aspek Pengetahuan Mengikut Jantina

Kenyataan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
E1	209 63.5%	120 36.5%	329 100%

⁴⁴² Anith Abdul Aziz, Pelajar Tahun 1, FKE, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

⁴⁴³ Pn. Norazilah Ahmad, Pensyarah PBPI, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

E2	193 62%	117 38%	310 100%
E6	207 64%	117 38%	324 100%

Sumber: Borang soal selidik 2009

4.2.2 Aspek Amalan

Bagi aspek amalan pula para pelajar turut memberikan respon yang positif sepertimana yang ditunjukkan sebelum ini. Daripada ketiga-tiga kenyataan yang diberikan iaitu E5, E8 dan E9, peratusan keseluruhan respon positif adalah sebanyak 87.4%. ini adalah perkembangan yang baik. Ini dapat dilihat melalui jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4: Kesan Aspek Amalan

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
E5	Menjaga ketrampilan diri	108	29.1	214	57.7	322	86.8
E8	Penghayatan nilai positif bertambah	111	29.9	215	58	326	87.9
E9	Melaksanakan tugas kursus dengan penuh tanggungjawab	133	35.8	192	51.8	325	87.6

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, para pelajar begitu menekankan kesan ilmu yang diterima oleh mereka, terutamanya dalam aspek amalan. Pengkaji mendapati para pelajar memahami bahawa matlamat pendidikan adalah untuk membentuk jati diri pelajar yang seimbang dalam konteks jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dalam temubual yang dijalankan dengan Sulaiman Basri, beliau menyatakan bahawa seorang pelajar seharusnya dapat menerima kesan daripada kuliah yang disampaikan oleh

pensyarah mereka. Beliau menambah, ilmu yang diterima sejak daripada sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti telah banyak membantunya dalam pergaulan. Di samping itu, ia juga dapat mematangkan pemikiran.⁴⁴⁴

Dapatan daripada soal selidik yang diedarkan mendapati para pelajar bersetuju bahawa pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan telah memberikan kesan dalam aspek amalan. Menurut Noraini Buang, para pelajar dapat mengambil peluang kursus yang dikendalikan oleh beliau iaitu Penerbitan dan Kewartawanan dalam mengenali dunia dan manusia. Potensi diri mereka dapat digilap dan dapat menambah kemahiran amalan atau praktikal bila mereka melangkah keluar dari universiti nanti.⁴⁴⁵

Manakala menurut Hamzah Mohd Dom, para pelajar yang mengambil kursus beliau juga ditekankan kesan pembentukan moral dan akhlak yang baik. Walaupun kursus yang beliau kendalikan iaitu kursus Sains Bahan adalah kursus bersifat teknikal, beliau sering mengingatkan mereka bahawa perlunya menjaga disiplin dalam kelas. Amalan positif banyak membantu pelajar jika mereka inginkan kecemerlangan dalam aspek akademik.⁴⁴⁶

Dalam membincangkan kesan dari sudut amalan ini, pengkaji akan melihat respon yang diberikan oleh para pelajar dari sudut kategori kursus pula iaitu sama ada kursus WU dan TP. Bagi kenyataan E5, pelajar yang mengambil kursus WU menunjukkan bilangan seramai 170 orang atau 53%. Manakla kursus TP pula seramai 152 orang atau 47%. Untuk kenyataan E8 pula, kursus WU masih menunjukkan bilangan yang ramai iaitu 171 atau 52% berbanding dengan kursus TP dengan bilangan

⁴⁴⁴ Sulaiman Basri, Pelajar Tahun 1, FKE, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

⁴⁴⁵ Pn. Noraini Buang, Pensyarah PBPI, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

⁴⁴⁶ Hamzah Mohd Dom, Pensyarah FKM, UTeM. Temubual pada 24 Oktober 2009.

155 orang atau 48%. Kenyataan E9 pula angka yang ditunjukkan agak hampir dengan kenyataan sebelumnya iaitu untuk kursus WU sebanyak 172 orang atau 53% dan kursus TP pula sebanyak 153 orang atau 47%. Ini menunjukkan bahawa kursus WU mendahului kursus TP dalam aspek kesan amalan di kalangan pelajar. Keterangan ini dapat dijelaskan berdasarkan jadual 4.5 di bawah.

Jadual 4.5: Respon Aspek Amalan Mengikut Kursus

Kenyataan	WU	TP	Jumlah
E5	170 53%	152 47%	322 100%
E8	171 52%	155 48%	326 100%
E9	172 53%	153 47%	325 100%

Sumber: Borang soal selidik 2009

4.2.3 Aspek Sikap

Apabila membincangkan kesan sikap di kalangan pelajar hasil daripada penawaran kursus kepada mereka di UTeM, pengkaji akan melihat kenyataan E3, E4 dan E7. Namun hanya kenyataan positif sahaja akan dianalisa untuk E3, manakala untuk E4 dan E7 pengkaji akan melihat respon negatif sahaja dalam memberi makna untuk kajian ini. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6: Kesan Aspek Sikap

Bil.	Kenyataan	SS	S	Jum.	TS	STS	Jum.
E3	Memahami perasaan orang lain dengan baik	87 23.5%	217 58.5%	304 82%	-	-	-

E4	Suka menyendiri daripada bercampur dengan orang lain	-	-	-	160 43.1%	69 18.6%	229 61.7%
E7	Prejudis terhadap rakan	-	-	-	164 44.2%	67 18.1%	231 62.3%

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual sebelum ini, peratus keseluruhan respon yang diberikan oleh para pelajar adalah sebanyak 68.6%. Jumlah ini diambil daripada jumlah keseluruhan kenyataan E3, E4 dan E5. Ianya sedikit rendah daripada kesan yang ditunjukkan sebelum ini. Bagaimanapun, peratus yang ditunjukkan dalam kajian ini masih boleh dilihat daripada aspek yang positif kerana ini menunjukkan bahawa masih ada pelajar yang menerima kesan pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan dalam membina sikap yang baik.

Berdasarkan pemerhatian penulis, sikap pelajar lebih banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Ini telah diterangkan dalam Bab Dua dalam perkara yang membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan psikologi pelajar. Namun dalam konteks kajian ini, faktor pergaulan rakan sebaya merupakan faktor sampingan yang membantu perkembangan etika dan moral. Kajian yang dijalankan cuba melihat bagaimana kursus-kursus yang ditawarkan memberi kesan ke atas sikap mereka. Dalam jadual 4.6, kenyataan E3 menerangkan bahawa para pelajar masih mampu untuk memahami perasaan orang lain dengan baik. Ini bermakna mereka mempunyai sikap empati terhadap orang lain. Aspek ini amat penting dalam membantu mereka menjadi pekerja yang baik apabila bekerjaya kelak.

Menurut Amir Najmi Ahmad Faris, beliau mengakui sikap pelajar sering berubah-ubah. Ini sering berlaku apabila mereka bergaul sesama rakan mereka. Apabila ditanya adakah kursus yang diikuti olehnya dapat memberika perubahan sikap yang baik, beliau menyatakan ia dapat menambah nilai positif dalam dirinya. Menurutya lagi, terpulang kepada pelajar, sama ada hendak mengamalkannya ataupun sebaliknya. Para pensyarah sering menekankan agar mempraktikkan sikap yang baik di dalam mahupun di luar kelas.⁴⁴⁷

Menurut Mohd Adam, kedapatan juga para pelajar yang tidak mengamalkan sikap yang baik dalam pergaulan. Sebagai contoh, masih ada yang bergaul sesama bangsa mereka sendiri sahaja ataupun sesama negeri mereka sahaja. Ini bukanlah sikap yang baik. Sepatutnya para pelajr menggunakan masa belajar ini untuk meluaskan pergaulan mereka dan merapatkan hubungan sosial.⁴⁴⁸

Dalam jadual 4.6, kenyataan E4 menjelaskan bahawa 61.7% pelajar menyatakan mereka tidak bersetuju untuk mengambil sikap suka menyendiri daripada bercampur dengan orang lain. Namun bilangan yang bersetuju adalah seramai 51.7% yang masih mengakui bahawa mereka mengambil sikap sedemikian. Situasi ini sememangnya dapat dijangkakan kerana ia mewakili keadaan hidup sebenar masyarakat yang seringkali mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sesuatu isu atau perkara. Namun dalam konteks kajian ini, bilangan sebanyak 61.7% yang menolak kenyataan tersebut menunjukkan petanda bahawa sikap pelajar masih boleh dibanggakan.

Dari segi pecahan jantinya pula, bagi kenyataan E3 pelajar lelaki menunjukkan bilangan yang ramai iaitu 192 orang atau 59% dan selebihnya pelajar

⁴⁴⁷ Amir Najmi Ahmad Faris, Pelajar Tahun 1, FTMK , UTeM. Temubual pada 27 Oktober 2009.

⁴⁴⁸ Mohd Adam, Pensyarah PBPI, UTeM. Temubual pada 23 Oktober 2009.

perempuan dengan bilangan seramai 132 orang atau 41%. Bagi kenyataan E4 pula, pelajar lelaki masih mendahului pelajar perempuan dengan bilangan seramai 135 orang atau 59% dan pelajar perempuan pula 94 orang atau 41%. Seterusnya bagi kenyataan E7 pula, pelajar lelaki seramai 133 orang atau 58% dan pelajar perempuan seramai 98 orang atau 42%. Justeru, dari segi pecahan jantina pelajar lelaki masih menunjukkan bilangan dan peratus melebihi pelajar perempuan. Keterangan ini dapat dilihat pada jadual 4.7 di bawah.

Jadual 4.7: Respon Aspek Sikap Mengikut Jantina

Kenyataan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
E3	192 59%	132 41%	324 100%
E4	135 59%	94 41%	229 100%
E7	133 58%	94 42%	227 100%

Sumber: Borang soal selidik 2009

Secara ringkasnya, pengkaji telah membawakan kesan-kesan yang diterima oleh para pelajar dalam proses pembangunan etika dan moral melalui kursus yang ditawarkan. Kesan-kesan tersebut pula dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kesan daripada aspek pengetahuan, amalan dan sikap. Jika dilihat dari sudut susunannya, ternyata kesan amalan mendahului kesan yang lain dengan peratusan sebanyak 87.4%, diikuti dengan kesan pengetahuan 86.5% dan ketiganya kesan terhadap sikap pelajar iaitu 68.6%. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM dapat memberikan kesan di kalangan pelajar dalam pembangunan etika dan moral mereka.

4.3 Halangan Kepada Keberkesanan

Halangan-halangan pembangunan etika dan moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM dilihat daripada dua sudut iaitu dari kaca mata pensyarah dan juga pelajar. Setiap responden diberi pilihan untuk memilih berdasarkan respon SS, S, TS dan STS untuk kenyataan-kenyataan yang diberikan dalam soal-selidik yang telah diedarkan. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian dengan memfokuskan kepada tiga aspek iaitu halangan dari diri sendiri, kursus yang ditawarkan dan institusi itu sendiri. Sehubungan itu, perbincangan dimulakan dengan perspektif pensyarah terlebih dahulu dan diikuti dengan perspektif pelajar.

4.3.1 Perspektif Pensyarah

Secara umumnya, halangan yang dihadapi oleh para pensyarah dalam membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar dapat dilihat daripada pelbagai aspek. Dalam kajian yang dijalankan melalui soal selidik yang diedarkan pengkaji telah memberikan kenyataan-kenyataan yang mewakili halangan-halangan tersebut iaitu seperti yang tertera di bawah. Halangan-halangan ini pula telah dipecahkan mengikut tiga kumpulan iaitu diri sendiri, kursus dan institusi. Para responden tidak dimaklumkan kumpulan kenyataan-kenyataan tersebut dan mereka hanya menjawab seperti mana yang dikehendaki dalam soal selidik. Jadual 4.8 menjelaskan butiran halangan-halangan yang dihadapi oleh para pensyarah.

Jadual 4.8 : Halangan di dalam kursus yang kendalikan oleh pensyarah ke arah pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar [n=16].

Bil.	Kenyataan	SS		S		TS		STS	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D1	Kurang yakin elemen etika dan moral dapat diterapkan dalam P&P	0	0	3	18.8	10	62.5	3	18.8
D2	Kurang kemahiran untuk melahirkan pelajar yang beretika dan ber moral melalui P&P	0	0	6	37.5	7	43.8	3	18.8
D3	Kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral	0	0	10	62.5	3	18.8	3	18.8
D4	Pelajar tidak berminat dengan pembangunan etika dan moral	1	6.3	5	31.3	7	43.8	2	12.5
D5	Pelajar kurang pemahaman tentang isu etika dan moral	0	0	9	56.3	5	31.3	2	12.5
D6	Pelajar kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral	0	0	11	68.8	3	18.8	2	12.5
D7	Tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar	4	25	7	43.8	2	12.5	3	18.8
D8	Kurang sokongan dari institusi terhadap pembangunan etika dan moral pelajar	1	6.3	6	37.5	7	43.8	2	12.5
D9	Kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar	1	6.3	8	50	6	37.5	1	6.3

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual di atas, terdapat sembilan halangan yang dibawakan oleh pengkaji dalam mendapatkan respon di kalangan para pensyarah yang terlibat dalam kajian ini. Respon yang diambil kira dalam perbincangan ini adalah daripada respon

yang mengatakan S dan SS sahaja. Oleh itu, respon dalam bahagian TS dan STS tidak diambilkira kerana secara umumnya kita memahaminya sebagai bukan halangan. Daripada kesemua kenyataan yang telah diberikan, kajian mendapati bahawa terdapat tiga halangan utama yang dikenalpasti iaitu D6, 'pelajar kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral. Ia mencatatkan bilangan seramai 11 orang atau 68.8%. Selain daripada itu, D7 'tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar' menunjukkan bilangan seramai 11 orang atau 68.8% dan D9 'kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar' seramai 9 orang atau 56.3%.

Manakala halangan yang bukan menjadi halangan utama adalah D1 iaitu 'kurang yakin elemen etika dan moral dapat diterapkan dalam P&P', D2 'kurang kemahiran untuk melahirkan pelajar yang beretika dan bermoral melaui P&P' dan juga D3 'kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral'. Respon yang diberikan oleh responden adalah menunjukkan bilangan yang tinggi untuk bahagian TS dan STS (sila lihat jadual 4.8). Oleh itu, bolehlah dikatakan para pensyarah mempunyai keyakinan elemen etika dan moral dapat diterapkan dalam pengajaran mereka. Mereka juga merasakan mempunyai kemahiran untuk tujuan tersebut di samping mempunyai bahan atau rujukan terhadap perkara yang berkaitan etika dan moral.

1. Diri Sendiri

Halangan yang dihadapi oleh para pensyarah daripada aspek yang berkaitan diri mereka sendiri adalah seperti yang terdapat dalam jadual 4.9 di bawah. Kenyataan yang mewakili kategori 'diri sendiri' ini adalah kenyataan D1, D2 dan D3. Ianya berkaitan

dengan keyakinan mereka dalam menerapkan elemen etika dan moral dalam P&P, kemahiran dan juga sumber rujukan.

Jadual 4.9: Halangan Pensyarah daripada Aspek Diri Sendiri

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D1	Kurang yakin elemen etika dan moral dapat diterapkan dalam P&P	0	0	3	18.8	3	18.8
D2	Kurang kemahiran untuk melahirkan pelajar yang beretika dan ber moral melalui P&P	0	0	6	37.5	6	37.5
D3	Kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral	0	0	10	62.5	10	62.5

Sumber: Borang soal selidik 2009

Jika dilihat dalam jadual di atas, jumlah peratusan yang ditunjukkan oleh responden dalam setiap kenyataan yang diberikan adalah rendah iaitu di bawah 50% kecuali pada kenyataan D3. Ini menunjukkan bahawa para responden menghadapi kesukaran dalam mendapatkan rujukan berkenaan etika dan moral. Bagaimanapun mereka masih mempunyai keyakinan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas pembangunan etika dan moral dalam P&P. Apabila dijumlahkan peratus kesemua kenyataan tersebut, jumlah peratus halangan daripada aspek diri sendiri ialah sebanyak 40%.

Menurut Muhd Ridzuan Mansor, secara asasnya para pensyarah mempunyai ilmu dalam menyampaikan ilmu yang dikuasai oleh mereka. Sebagai contoh, jika pensyarah itu mengajar kursus Grafik Kejuruteraan sudah pastinya mereka tidak menghadapi masalah dalam kursus tersebut. Namun, menurut beliau sedikit masalah

biasanya timbul dalam menerapkan elemen etika dan moral di kalangan pelajar. Ia memerlukan kemahiran dari pensyarah itu sendiri dalam membangkitkan kesedaran etika dan moral kepada pelajar. Justeru, halangan yang wujud dalam diri pensyarah adalah dari segi penguasaan menyampaikan mesej yang positif kepada pelajar mereka.⁴⁴⁹

Dari segi pemerhatian pengkaji sendiri mendapati para pensyarah yang mengajar kursus pada peringkat WU biasanya tidak menghadapi masalah dalam membangunkan etika dan moral dalam kursus yang ditawarkan. Ini disebabkan kebanyakan kursus tersebut seperti Falsafah Sains dan Teknologi mempunyai matlamat yang jelas untuk memberikan nilai tambah kepada para pelajar. Para pelajar akan dapat memahami kaitan yang wujud di antara keperluan nilai dengan sains dan teknologi.

Bagi kenyataan D3, pecahan peratus mengikut jantina menunjukkan seramai 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan masing-masing bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini bermakna respon yang diberikan adalah seimbang di antara lelaki dan perempuan iaitu 50% (sila lihat jadual di bawah).

Jadual 4.10: Kenyataan D3 Mengikut Pecahan Jantina

Jantina	S	TS	STS	Jumlah
Lelaki	5 (50%)	3	3	11
Perempuan	5 (50%)	0	0	5
Jumlah	10 (100%)	3	3	16

Sumber: Borang soal selidik 2009

2. Diri Pelajar

⁴⁴⁹ Muhd Ridzuan Mansor, Pensyarah FKM, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

Halangan seterusnya adalah halangan yang dihadapi oleh pensyarah apabila berdepan dengan pelajar. Kenyataan yang mewakili kategori 'diri pelajar' ini adalah kenyataan D4, D5 dan D6. Kenyataan-kenyataan dalam jadual 4.11 dibina oleh pengkaji untuk mengesani halangan tersebut. Antaranya ialah kurang minat, kurang pemahaman dan kurang sumber rujukan.

Jadual 4.11 : Halangan Pensyarah daripada Aspek Diri Pelajar

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D4	Pelajar tidak berminat dengan pembangunan etika dan moral	1	6.3	5	31.3	6	37.6
D5	Pelajar kurang pemahaman tentang isu etika dan moral	0	0	9	56.3	9	56.3
D6	Pelajar kurang rujukan/bahan/dokumen berkaitan etika dan moral	0	0	11	68.8	11	68.8

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual di atas, kenyataan D6 menunjukkan bilangan tertinggi iaitu hampir 70% daripada kenyataan yang lain. Ternyata para pelajar juga berdepan dengan kekurangan sumber rujukan dalam hal etika dan moral. Halangan ini juga dihadapi oleh pensyarah seperti yang ditunjukkan sebelum ini. Apabila dijumlahkan peratus kesemua kenyataan tersebut, jumlah peratus halangan daripada aspek diri sendiri ialah sebanyak 54.2%.

Menurut Yahya Ibrahim, terdapat pelajar yang tidak mempunyai minat dalam memperkatakan soal etika dan moral di dalam kelas yang dikendalikannya. Ini dapat diperhatikan dengan kurangnya penguasaan pelajar dalam isu-isu yang berkaitan moral. Beliau akan cuba membuat perbincangan kelas dengan menghubungkan peranan

teknologi maklumat dengan aspek sosial. Kedapatan pelajar yang tidak peka dan kurang penguasaan terhadap isu yang diutarakan. Jika adapun, ianya masih pada tahap minima. Namun, masih ada yang mampu untuk berhujah dengan baik.⁴⁵⁰

Pada pemerhatian pengkaji pula, halangan yang didapati pada diri pelajar ini akan dapat diatasi jika pensyarah yang mengajar itu dapat membantu pelajar memahami isu etika dan moral dengan baik. Pengalaman pengkaji sendiri dalam mengendalikan kelas Falsafah Sains dan Teknologi misalnya, pelajar amat berminat tentang isu yang dekat dengan diri mereka. Pengkaji akan cuba mengaitkan peranan tauhid dan akhlak dengan prinsip sains dan teknologi. Jika pelajar berdepan dengan masalah rujukan, pensyarah seharusnya memberikan bantuan dengan mencadangkan buku atau laman web yang berkaitan.

Bagi kenyataan D6, jumlah pensyarah lelaki melebihi perempuan dengan bilangan seorang sahaja. Peratus yang ditunjukkan adalah sebanyak 55% bagi pensyarah lelaki dan selebih 45% untuk pensyarah perempuan (lihat jadual dibawah).

Jadual 4.12: Kenyataan D6 Mengikut Pecahan Jantina

Jantina	S	TS	STS	Jumlah
Lelaki	6 (55%)	3	2	11
Perempuan	5 (45%)	0	0	5
Jumlah	11 (100%)	3	2	16

Sumber: Borang soal selidik 2009

3. Institusi

⁴⁵⁰ Yahya Ibrahim, Pensyarah FTMK, UTeM. Temubual pada 23 Oktober 2009.

Halangan institusi di sini bermaksud halangan daripada pihak UTeM sendiri yang disedari oleh responden dalam membangunkan etika dan moral pelajar. Kenyataan yang mewakili kategori 'institusi' ini adalah kenyataan D7, D8 dan D9. Tiga kenyataan telah diberikan kepada responden seperti tiada garis panduan yang jelas, kurang sokongan dan juga kurang prasarana di kalangan pelajar. Di dalam jadual 4.13 bawah dinyatakan bilangan dan peratus respon tersebut.

Jadual 4.13: Halangan Pensyarah daripada Aspek Institusi

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D7	Tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar	4	25	7	43.8	11	68.8
D8	Kurang sokongan dari institusi terhadap pembangunan etika dan moral pelajar	1	6.3	6	37.5	7	43.8
D9	Kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar	1	6.3	8	50	9	56.3

Sumber: Borang soal selidik 2009

Dalam jadual di atas, kenyataan D7 mencatatkan peratusan tertinggi berbanding dengan yang lain. Para responden bersetuju bahawa tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar dalam proses P&P. Setelah dijumlah peratus kesemua kenyataan tersebut di atas, jumlah peratus halangan daripada aspek institusi ialah sebanyak 56.3%.

Menurut Asiah Pilus, pengalaman beliau dalam menjadi penyelaras program kemahiran insaniah di PBPI mendapati bahawa elemen etika dan moral amat wajar diberi perhatian oleh institusi pendidikan tinggi. UTeM misalnya telah melaksanakan penilaian KI kepada para pelajar sebelum mereka bergelar graduan. Aspek ini amat penting, bagi memastikan mereka mempunyai nilai tambah apabila memasuki pasaran kerja. UTeM sedar akan kepentingan KI ini di kalangan pelajarnya. Menurut beliau lagi, halangan yang wujud seperti tiada garis panduan yang jelas dalam penilaian KI adalah halangan kecil yang boleh diatasi dari masa ke semasa. Beliau turut mencadangkan agar para pensyarah menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membentuk jati diri pelajar dalam proses P&P.⁴⁵¹

Menurut Yogan J Kumar, pembangunan etika dan moral ini mestilah mendapat kerjasama yang baik di antara institusi, pensyarah dan pelajar. Beliau mendapati penilaian KI yang termasuk di dalamnya elemen etika dan moral boleh diperkembangkan lagi dengan mengambilkira elemen disiplin diri pelajar di dalam kelas. Misalnya, ketepatan masa menghadiri kelas dan juga penglibatan dalam kelas. Aspek-aspek ini perlu ditekankan bagi mengelakkan pelajar hanya tertumpu kepada markah akademik sahaja. Justeru, pihak UTeM haruslah menambah elemen-elemen sebegini dalam pentaksiran KI di kalangan pelajarnya.⁴⁵²

Jika dilihat dari pecahan mengikut kursus di dalam kenyataan D7, kursus WU menunjukkan peratus sebanyak 27% dan kursus TP sebanyak 73%. Ini dapat difahami bahawa respon yang diberikan oleh kursus TP mendahului kursus WU (sila lihat jadual di bawah).

Jadual 4.14: Kenyataan D7 Mengikut Pecahan Kursus

⁴⁵¹ Asiah Pilus, Pensyarah PBPI, UTeM. Temubual pada 26 Oktober 2009.

⁴⁵² Yogan J Kumar, Pensyarah FTMK, UTeM. Temubual pada 26 Oktober 2009.

Kursus	SS	S	Jumlah
WU	2	1	3 (27%)
TP	2	6	8 (73%)
Jumlah	4	7	11 (100%)

Sumber: Borang soal selidik 2009

Sebagaimana yang diperlihatkan sebelum ini, kesemua halangan yang dinyatakan telah mendapat reaksi berbeza oleh setiap responden. Jumlah yang tertinggi adalah kelompok halangan daripada institusi sebanyak 56.3%, diikuti oleh halangan daripada pelajar sebanyak 54.2% dan yang terakhir diri pensyarah sebanyak 40%.

4.3.2 Perspektif Pelajar

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, halangan dalam membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar bukan sahaja dihadapi oleh para pensyarah. Ia juga ditempuhi oleh golongan pelajar. Dalam bahagian D, para responden telah diminta untuk menjawab kenyataan-kenyataan berikut sepertimana di dalam jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 : Halangan-halangan ke arah pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar menerusi kursus yang ditawarkan [n=371].

Bil.	Kenyataan	SS		S		TS		STS	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D1	Saya kurang berminat pembangunan etika dan moral	19	5.1	79	21.3	198	53.4	74	19.9
D2	Kurang sokongan rakan sebaya	22	5.9	118	31.8	168	45.3	63	17
D3	Pembangunan etika dan moral	38	10.2	135	36.4	152	41	39	10.5

	sukar diamalkan dalam kehidupan pelajar								
D4	Kecemerlangan akademik lebih penting daripada kecemerlangan peribadi	25	6.7	78	21	179	48.2	89	24
D5	Kurang bimbingan pensyarah ke arah pembangunan etika dan moral	38	10.2	117	31.5	177	47.7	39	10.5
D6	Kursus yang diambil banyak menekankan pengetahuan teknikal berbanding aspek etika	48	12.9	147	39.7	145	39.1	30	8.1
D7	Tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar	50	13.5	159	42.9	128	34.5	33	8.9
D8	Kurang sokongan dari institusi terhadap pembangunan etika dan moral pelajar	37	10	139	37.5	163	43.9	31	8.4
D9	Kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar	57	15.4	136	36.7	149	40.2	29	7.8

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual di atas, terdapat sembilan halangan yang dibawakan oleh pengkaji dalam mendapatkan respon di kalangan para pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Respon yang diambilkira dalam perbincangan ini adalah daripada respon yang mengatakan setuju dan sangat setuju sahaja. Oleh itu, respon dalam bahagian TS dan

STS tidak diambilkira kerana ia membawa maksud sebaliknya atau bukan halangan. Daripada kesemua kenyataan yang telah diberikan, kajian mendapati bahawa terdapat tiga halangan utama yang dikenalpasti iaitu D7, 'tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek tidak dan moral pelajar'. Ia mencatatkan bilangan seramai 209 orang atau 56.4%. Selain daripada itu, D6 'kursus yang diambil banyak menekankan pengetahuan teknikal berbanding aspek etika' menunjukkan bilangan seramai 195 orang atau 52.6% dan D9 'kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar' seramai 193 orang atau 52.1%.

Manakala halangan yang bukan menjadi halangan utama adalah D1 iaitu 'saya kurang pembangunan etika dan moral', D2 'kurang sokongan rakan sebaya' dan juga D4 'kecemerlangan akademik lebih penting daripada kecemerlangan peribadi'. Respon yang diberikan oleh responden adalah menunjukkan bilangan yang tinggi untuk bahagian TS dan STS (sila lihat jadual 4.15). Oleh itu, bolehlah dikatakan para pelajar mempunyai minat terhadap pembangunan etika dan moral dalam kehidupan mereka. Mereka juga mendapat sokongan daripada rakan sebaya dalam melaksanakan minat tersebut di samping melihat kecemerlangan peribadi turut sama penting selain daripada kecemerlangan akademik.

1. Diri Sendiri

Para pelajar sebenarnya mempunyai halangan yang tersendiri dalam membolehkan mereka mengamalkan aspek etika dan moral dengan lebih baik dalam kehidupan mereka. Kebanyakan halangan yang dikenalpasti oleh pengkaji adalah berkisar tentang diri mereka sendiri seperti kekurangan minat terhadap isu etika dan moral, kurang sokongan daripada rakan-rakan sebaya dan mempunyai tanggapan sukar mempratikkan

aspek etika dan moral di dalam kehidupan mereka. Namun dalam kajian ini, para pelajar menunjukkan respon yang menarik kerana halangan yang dinyatakan adalah kurang serius dan masih terkawal. Kenyataan yang mewakili kategori 'diri sendiri' ini adalah kenyataan D1, D2 dan D3. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 4.16: Halangan Pelajar daripada Aspek Diri Sendiri

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D1	Saya kurang berminat pembangunan etika dan moral	19	5.1	79	21.3	98	26.4
D2	Kurang sokongan rakan sebaya	22	5.9	118	31.8	140	37.7
D3	Pembangunan etika dan moral sukar diamalkan dalam kehidupan pelajar	38	10.2	135	36.4	173	46.6

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual di atas, kenyataan-kenyataan yang berhubung dengan halangan diri pelajar menunjukkan peratusan di bawah 50%. Pelajar hanya memberikan respon yang tinggi sedikit pada kenyataan D3 iaitu sebanyak 46.6%. Bagaimanapun pengkaji melihat halangan yang lain masih boleh diperbaiki kerana peratusan yang ditunjukkan adalah sekitar 26% - 38% dan jika difahami sebaliknya ia memberi makna bahawa mereka masih mempunyai minat dan mendapat sokongan rakan sebaya. Dapatan ini amat menarik kerana ianya bukanlah halangan yang serius di kalangan mereka. Setelah dikumpulkan semua jumlah peratus keseluruhan halangan pelajar daripada aspek diri sendiri ialah sebanyak 37%.

Pemerhatian pengkaji mendapati para pelajar berminat dengan pembangunan etika dan moral dalam kursus yang diikuti oleh mereka. Terdapat pelajar yang mencadangkan agar diwujudkan kursus khas tentang etika dan moral yang boleh diambil oleh mereka. Ini lanjutan daripada kursus Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral yang diambil oleh mereka semasa di sekolah menengah. Oleh itu, mereka inginkan kursus seperti ini di peringkat lebih tinggi. Bagi pengkaji, ini amatlah tepat dan jika dilihat dalam jadual 4.16, ternyata kenyataan D1 membuktikan bahawa pelajar masih mempunyai minat dalam isu pembangunan etika dan moral.

Menurut Norfadzilah Abd. Hamid, halangan yang wujud dari diri sendiri ini sering timbul apabila adanya perasaan bahawa isu etika dan moral adalah hak peribadi. Oleh itu, ramai pelajar melihat perkara ini sebagai isu yang tidak penting. Namun menurut beliau, pelajar yang mengikuti kursus kendaliannya amat berminat berbincang dan mendapat sokongan dari rakan-rakan mereka. Tidak timbul isu untuk mengamalkan nilai yang baik dalam hidup seharian. Malahan, ia wajar diamalkan sebagai tanda pelajar yang berada di insititut pengajian tinggi.⁴⁵³

Apabila dilihat daripada pecahan bangsa pelajar, ternyata pelajar Melayu menunjukkan angka tertinggi dengan 132 orang atau 76.3%, diikuti dengan bangasa Cina, India dan lain-lain. Jadual 4.17 di bawah menerangkan kenyataan D3 mengikut bangsa.

Jadual 4.17: Kenyataan D3 Mengikut Bangsa

Bangsa	SS	S	Jumlah
Melayu	24	108	132 (76.3%)

⁴⁵³ Norfadzilah Abd. Hamid, Pensyarah Kanan PBPI, UTeM. Temubual pada 23 Oktober 2009.

Cina	9	19	28 (16.2%)
India	3	6	9 (5.2%)
Lain-lain	2	2	4 (2.3%)
Jumlah	38	135	173 (100%)

Sumber: Borang soal selidik 2009

2. Kursus

Dalam bahagian ini para pelajar diminta memberikan respon kenyataan-kenyataan berhubung dengan aspek kursus yang ditawarkan. Di sini pengkaji mengutarakan isu kecemerlangan akademik dan kecemerlangan peribadi, bimbingan pensyarah dalam pembangunan diri dan kandungan kursus yang di ambil. Kenyataan yang mewakili kategori 'kursus' ini adalah kenyataan D4, D5 dan D6. Jadual di bawah menerangkan dapatan-dapatan tersebut.

Jadual 4.18: Halangan Pelajar daripada Aspek Kursus

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D4	Kecemerlangan akademik lebih penting daripada kecemerlangan peribadi	25	6.7	78	21	103	27.7
D5	Kurang bimbingan pensyarah ke arah pembangunan etika dan moral	38	10.2	117	31.5	155	41.7
D6	Kursus yang diambil banyak menekankan pengetahuan teknikal	48	12.9	147	39.7	195	52.6

	berbanding aspek etika						
--	------------------------	--	--	--	--	--	--

Sumber: Borang soal selidik 2009

Jadual sebelum ini menerangkan para pelajar masih memberikan respon di bawah paras 50% terhadap kenyataan yang diberikan. Misalnya kenyataan D4 sebanyak 27.7% dan D5 41.7%. Pada kenyataan D6 sahaja peratusnya agak tinggi sedikit iaitu 52.6%. Oleh itu dapatlah difahami bahawa mereka sedar kebanyakan kursus yang diambil oleh mereka menekankan pengetahuan teknikal berbanding aspek etika. Jumlah peratus keseluruhan halangan pelajar daripada aspek diri sendiri ialah sebanyak 41% setelah dihitung daripada kesemua jumlah respon tersebut.

Menurut Hazmilah Hassan, tiada halangan yang besar dalam menerapkan etika dan moral di kalangan pelajar. Para pensyarah sentiasa memberikan bimbingan kepada pelajar dalam membentuk kecemerlangan akademik mahupun sahsiah diri yang baik. Oleh itu, pelajar tidak seharusnya menjadikan alasan bahawa mereka sebagai pelajar yang mengikuti kursus teknikal tidak mampu untuk menunjukkan peribadi yang baik berbanding dengan pelajar yang mengambil jurusan yang lain. Walaupun mereka mengambil kursus teknikal, sepatutnya ia menjadi nilai tambah pada mereka.⁴⁵⁴

Menurut Asiah Pilus juga, UTeM adalah universiti yang unik sebab menerapkan misi yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Secara jelasnya, misi UTeM menyebut melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan tinggi. Oleh itu, tidak wujud alasan bagi pelajar untuk membangunkan nilai etika dan moral dalam diri mereka. Ini satu peluang baik yang wajar diterokai oleh mereka di samping menggilap potensi diri.⁴⁵⁵

⁴⁵⁴ Hazmilah Hassan, Penyarah Kanan PBPI, UTeM. Temubual pada 25 Oktober 2009.

⁴⁵⁵ Asiah Pilus, Pensyarah Kanan PBPI, UTeM. Temubual pada 26 Oktober 2009.

Daripada pecahan jantinya pula, pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan dengan peratusan sebanyak 66% dan selebihnya 34% bagi pelajar perempuan. Ini dapat dilihat dalam jadual di bawah dalam menunjukkan respon pelajar pada kenyataan D6.

Jadual 4.19: Kenyataan D6 Mengikut Pecahan Jantina

Jantina	SS	S	Jumlah
Lelaki	37	91	128 (66%)
Perempuan	11	56	67 (34%)
Jumlah	48	147	195 (100%)

Sumber: Borang soal selidik 2009

3. Institusi

Halangan daripada aspek institusi di sini bermaksud halangan yang dihadapi oleh pelajar semasa mereka belajar di UTeM. Bagaimanapun ianya bukan memberikan gambaran secara keseluruhan halangan-halangan tersebut. Kenyataan-kenyataan yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan pengalaman semasa mengajar di UTeM dan respon yang diberikan oleh pelajar adalah untuk kajian sahaja. Sebagai contoh, pengkaji membawakan halangan dari sudut perlunya garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral, kurang sokongan pihak institusi dan kurangnya prasarana bagi tujuan pembangunan etika dan moral pelajar. Kenyataan yang mewakili kategori 'institusi' ini adalah kenyataan D7, D8 dan D9. Jadual di bawah menerangkan respon yang diberikan oleh responden berkenaan halangan tersebut.

Jadual 4.20: Halangan Pelajar daripada Aspek Institusi

Bil.	Kenyataan	SS		S		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
D7	Tiada garis panduan yang jelas untuk menilai aspek etika dan moral pelajar	50	13.5	159	42.9	209	56.4
D8	Kurang sokongan dari institusi terhadap pembangunan etika dan moral pelajar	37	10	139	37.5	176	47.5
D9	Kurang prasarana untuk menggalakkan pembangunan etika dan moral pelajar	57	15.4	136	36.7	193	52.1

Sumber: Borang soal selidik 2009

Dalam bahagian ini, respon yang ditunjukkan oleh pelajar agak tinggi berbanding dengan halangan-halangan yang dibincangkan sebelum ini. Kenyataan D7 mencatatkan angka sebanyak 56.4% berbanding dengan yang lain. Jumlah peratus keseluruhan halangan pelajar daripada aspek institusi ialah sebanyak 52% setelah dikumpulkan jumlah peratus keseluruhannya.

Menurut Adib Hamid, dalam melaksanakan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar seharusnya ada panduan yang jelas bagi pelajar. sebagai contoh, ada penyarah yang meletakkan markah sebanyak 5% untuk ketrampilan diri dalam kelas. Dalam masa yang sama ada juga pensyarah yang tidak meletakkan aspek tersebut dalam

kelas mereka. Ini sepatutnya diseragamkan supaya pelajar dapat menguasai dengan lebih baik lagi pembangunan etika dan moral ini.⁴⁵⁶

Menurut rakan sekelas yang lain, Omar Mohd mendapati kurang prasarana juga merupakan faktor yang menjadi halangan untuk membangunkan etika dan moral di kalangan pelajar. Prasarana yang dimaksudkan adalah seperti kemudahan rekreasi pelajar, aktiviti luar, kem motivasi dan sebagainya. Justeru, para pelajar dapat mengambil pengalaman di luar kelas untuk meluaskan lagi pergaulan di samping menambah kenalan. Aktiviti luar menurutnya, amat diminati oleh pelajar kerana ia dapat memecah kebosanan sepanjang mengikuti kuliah.⁴⁵⁷

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, para pelajar amat berminat dengan aktiviti di luar bilik kuliah. Berdasarkan pengalaman pengkaji semasa mengendalikan kelas, pelajar telah dibawa ke tempat yang boleh mendekatkan diri mereka dengan masyarakat. Misalnya, mereka digalakkan membuat kerja amal di rumah orang tua atau anak yatim bagi melengkapkan kerja kursus. Oleh demikian, aktiviti seperti ini dapat memahirkan mereka dengan kemahiran sosial dengan masyarakat. Bagaimanapun, pihak institusi haruslah memberikan kerjasama dan sokongan kepada pensyarah dan juga pelajarnya. Jika dilihat pada jadual 4.20, kenyataan D8 menunjukkan pelajar bersetuju bahawa institusi memberikan sokongan terhadap pembangunan etika dan moral.

Jika dilihat daripada pecahan mengikut agama pula, pelajar beragama Islam menunjukkan bilangan paling ramai berbanding dengan agama lain iaitu sebanyak 73%, kemudian diikuti dengan agama Buddha, Hindu dan lain-lain. Pelajar beragama Islam

⁴⁵⁶ Adib Hamid, Pelajar Tahun 1, FKE UTeM. Temubual pada 24 Oktober 2009.

⁴⁵⁷ Omar Mohd, Pelajar Tahun 1, FKE UTeM. Temubual pada 24 Oktober 2009.

adalah majoriti dalam memberikan kenyataan D7 dan ini dapat dilihat dalam jadual berikut.

Jadual 4.21: Kenyataan D7 Mengikut Agama

Agama	SS	S	Jumlah
Islam	28	125	153 (73%)
Buddha	16	19	35 (17%)
Hindu	2	4	6 (3%)
Lain-lain	4	11	15 (7%)
Jumlah	50	159	209 (100%)

Sumber: Borang soal selidik 2009

Secara ringkas, pengkaji telah membawakan tiga kumpulan halangan yang dihadapi oleh pelajar iaitu diri pelajar sendiri, kursus yang ditawarkan kepada mereka dan institusi. Jika dilihat daripada susunannya, peratus halangan tertinggi datangnya dari halangan institusi iaitu sebanyak 52%, diikuti oleh kursus sebanyak 41% dan diri pelajar sendiri hanya 37%. Sehubungan itu, ternyata halangan berhubung aspek institusi masih mencatatkan angka tertinggi seperti yang dihadapi oleh kumpulan pensyarah. Hal ini telahpun dibincangkan di dalam perbincangan sebelum ini.

4.3.3 Perbandingan Mengikut Perspektif Pensyarah dan Pelajar

Bahagian ini akan melihat perbezaan yang wujud dalam aspek halangan yang dihadapi oleh pensyarah dan juga pelajar. Hasil daripada dapatan sebelum ini akan digunakan dalam membincangkan perbezaan tersebut. Bagi mendapatkan perbandingan halangan mengikut kumpulan responden iaitu pensyarah dan pelajar, pengkaji telah menggunakan jumlah peratusan keseluruhan berdasarkan kategori yang disebutkan sebelum ini.

Daripada Jadual 4.22 di bawah dapat menjelaskan peratusan halangan mengikut kumpulan responden iaitu pensyarah dan pelajar.

Jadual 4.22: Perbandingan Halangan Mengikut Kumpulan Responden

Pensyarah	A. Diri sendiri	40%
	B. Pelajar	54%
	C. Insitusi	56.3%
Jumlah (A+B+C) / 3		50%
Pelajar	A. Diri sendiri	37%
	B. Kursus	41%
	C. Institusi	52%
Jumlah (A+B+C) / 3		43%

Sumber: Borang soal selidik 2009

Berdasarkan jadual di atas, ternyata halangan yang dihadapi oleh kumpulan pensyarah melebihi kumpulan pelajar iaitu 50% untuk pensyarah dan 43% bagi pelajar. Walaupun kenyataan halangan yang diberikan kepada responden adalah berbeza, namun pengkaji hanya mengambilkira peratusan halangan yang diberikan berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan. Ini juga menjelaskan bahawa para pendidik lebih menghadapi halangan dalam membangunkan etika dan moral pelajar. Dalam masa yang sama, para pelajar turut berdepan dengan halangan yang sama tetapi konteks yang berbeza.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan dalam kajian ini, pengkaji mendapati halangan yang dihadapi oleh para pensyarah dalam membangunkan elemen etika dan moral di kalangan pelajar adalah berkisar dalam kehidupan seharian mereka.

Sebagai contoh terdapat pelajar yang boleh berdisiplin dalam kelas, tetapi dalam masa yang sama mengakui sukar untuk bercakap sopan dengan rakan-rakan mereka. Proses pengajaran dan pembelajaran selama empat tahun di universiti adalah satu masa yang terhad jika dibandingkan dengan proses pendidikan yang diterima oleh mereka sebelum ini. Oleh itu, pendidikan informal yang diterima oleh mereka seperti pergaulan sesama rakan sebaya, peranan media massa dan juga didikan keluarga memainkan peranan dalam mengasuh pembangunan etika dan moral mereka.

Selain itu jika dilihat dalam jadual yang ditunjukkan sebelum ini, para pelajar merasakan peranan institusi pendidikan juga merupakan halangan dalam proses pembangunan etika dan moral. Kedapatan pelajar menyatakan kursus-kursus yang ditawarkan oleh UTeM lebih bersifat teknikal. Namun, bagi pengkaji situasi ini sepatutnya diterima dengan positif kerana '*nature*' kursus itu sendiri sememangnya berorientasikan teknikal. Bagaimanapun, pengkaji melihat terdapat juga para pensyarah yang mengendalikan kursus bersifat teknikal ini berusaha untuk menerapkan kemahiran interpersonal pelajar melalui mekanisme yang dinyatakan sebelum ini seperti kuliah, tutorial dan projek kumpulan.

Pengkaji juga mendapati, para pelajar amat berminat dengan pembangunan etika dan moral ini dan mencadangkan agar diwujudkan kursus etika dan moral dalam program yang diambil oleh mereka. Ini menunjukkan satu tanda yang positif bahawa para pelajar mengambil perhatian terhadap pembangunan etika dan moral dalam kehidupan mereka. Selaras dengan kehendak industri, pelajar-pelajar di UTeM sedar bahawa pihak majikan bukan sahaja melihat potensi kecemerlangan akademik, tetapi dalam masa yang sama aspek moral juga perlu diutamakan.

Berdasarkan pemerhatian juga, pengkaji mendapati para pensyarah dan pelajar mengakui halangan dalam membangunkan aspek etika dan moral boleh dihadapi oleh mereka. Ia adalah satu keadaan yang biasa wujud dalam institusi pendidikan. Peratusan halangan yang ditunjukkan oleh pensyarah (50%) dan pelajar (43%) dalam jadual 4.22 menerangkan bahawa ianya masih boleh diterima. Ini bermakna kedua-dua kumpulan responden mempunyai tanggapan bahawa proses pembangunan etika dan moral masih boleh dibangunkan dengan baik tanpa halangan yang besar.

4.4 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan keberkesanan pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan kepada pelajar di UTeM. Ternyata penawaran kursus ini memberikan kesan kepada mereka sama ada dalam aspek pengetahuan, amalan mahupun sikap. Para pensyarah yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah berjaya membangunkan aspek etika dan moral dalam kursus yang diberikan melalui mekanisme sepertimana yang dibincangkan sebelum ini. Oleh itu, kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar sama ada pada peringkat TP dan WU telah banyak membantu pelajar membangunkan aspek etika dan moral di dalam diri mereka. Dalam erti kata lain, kursus-kursus tersebut telah membantu membangunkan akhlak di kalangan pelajar berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Selain itu, bab ini juga telah dapat merungkai apakah halangan yang dihadapi oleh para pensyarah dan pelajar dalam usaha membangunkan etika dan moral dalam kursus yang ditawarkan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan membuat rumusan terhadap kajian yang telah dijalankan di samping menyenaraikan saranan dan cadangan kepada pihak yang berkenaan.

